

## **SYARAT-SYARAT TEMPAHAN FASILITI DAN PADANG STADIUM KULIM, KEDAH DARUL AMAN**

1. Bayaran sewaan kemudahan di Stadium Kulim hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 3 hari sebelum penggunaan kerana kebenaran penggunaan hanya berkuatkuasaan selepas semua bayaran dijelaskan. Pembayaran sewaan boleh dibuat di kaunter Majlis Perbandaran Kulim (MPKK).
2. Sebarang tundaan sewaan selewat-lewatnya hendaklah dimaklumkan 2 (dua) hari sebelum tarikh digunakan. Jika sebarang pindaan atau tundaan atas sebab-sebab yang boleh digunapakai pada hari sewaan maka perkara tersebut hendaklah dimaklumkan 1 (satu) hari selepas tarikh yang sepatutnya digunakan. Sebarang tundaan diatas alasan yang boleh diterima pakai apabila di siasat oleh pihak Pengurusan Stadium Kulim akan dibenarkan tundaan.
3. Sebarang tundaan sewaan tanpa sebab atau tanpa kebenaran pihak Pengurusan Stadium Kulim adalah tidak dibenarkan.
4. Sebarang kerosakan, kecacatan atau kehilangan peralatan dan kemudahan semasa penggunaan adalah menjadi tanggungjawab penyewa/pengguna untuk memperbaiki atau menggantikannya.
5. Pihak Pengurusan Stadium Kulim berhak menunda atau membatalkan kebenaran penggunaan stadium dengan tanpa notis sekiranya keadaan memerlukan atau timbul perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan penggunaan stadium oleh pihak pengurusan atau majlis-majlis rasmi.
6. Sekiranya berlaku hujan, Pihak Pengurusan Stadium Kulim berhak menunda atau membatalkan penggunaan/penyewaan padang stadium bagi tujuan memastikan padang berada dalam keadaan baik.
7. Pihak Pengurusan Stadium Kulim tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kecurian, kematian dan sebagainya yang dialami oleh pengguna/penyewa atau harta benda pengguna/penyewa sepanjang tempoh penyewaan. Semua aktiviti yang dijalankan adalah tanggungjawab pengguna/penyewa sendiri.
8. Pengguna/penyewa hendaklah mendapatkan kebenaran untuk memaparkan iklan-iklan sama ada jenis kain, logo, papan kenyataan dan lain-lain daripada pihak Pengurusan Stadium Kulim. Iklan yang mempunyai gambar minuman keras dan rokok juga tidak dibenarkan untuk dipamerkan di atas kain rentang.

9. Pengguna/penyewa hendaklah mematuhi masa tempahan yang telah ditetapkan. Caj tambahan akan dikenakan sekiranya pengguna/penyewa menggunakan fasiliti stadium selepas tamat tempoh yang dibenarkan.
10. Pengguna/penyewa tidak dibenarkan mengorek / menggali mana-mana bahagian di kawasan stadium (trek balapan, kawasan padang, gelanggang, bilik-bilik, astaka dan lain-lain) untuk tujuan mendirikan khemah atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pihak Pengurusan Stadium Kulim.
11. Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada kawasan stadium kecuali dengan kebenaran daripada Tuan Yang Dipertua MPKK atau pihak Pengurusan Stadium Kulim.
12. Tidak dibenarkan membawa masuk sebarang kenderaan/binatang peliharaan ke dalam kawasan trek balapan, bilik-bilik dan padang stadium kecuali mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak Pengurusan Stadium Kulim.
13. Peraturan/Syarat dan Kadar penggunaan lain yang tidak dinyatakan akan ditentukan oleh pihak Pengurusan Stadium Kulim mengikut kesesuaian.
14. Penguatkuasaan serta pengubahsuaian peraturan dan syarat di atas adalah berdasarkan kesesuaian dan budi bicara pihak Pengurusan Stadium Kulim.
15. Pengguna/penyewa hendaklah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dan syarat-syarat lain yang akan dikenakan dari semasa ke semasa. Kegagalan mematuhi peraturan boleh menyebabkan tempahan dibatalkan dan wang sewaan tidak dikembalikan.
16. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila berhubung dengan pihak Pengurusan Stadium Kulim.

**TEL MPKK: 04 - 432 5225 (342)**

**FAX MPKK: 04 - 432 5229**